

09 OCT 1997

15,000 ORANG DIJANGKA SAMBUT PERDANA MENTERI DI KUALA TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 9 Okt (Bernama) -- Kira-kira 15,000 orang akan menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dekat sini esok.

Satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar hari ini menyatakan, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di sini dengan pesawat khas pada kira-kira pukul 4.45 petang.

Satu majlis ikrar oleh rakyat dan kerajaan negeri bagi menyokong kepimpinan Dr Mahathir akan diadakan di lapangan terbang itu sebaik sahaja Perdana Menteri, tiba, katanya.

Dr Mahathir dan isteri kemudian akan mengadap Sultan Terengganu di Istana Badariah, Batu Buruk, selepas majlis sambutan itu dan mereka berdua juga dijadualkan menghadiri majlis penutup Tilawah Al-Quran kebangsaan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada sebelah malamnya.

Pagi Sabtu, Dr Mahathir dan isteri akan bertolak ke Kemaman untuk majlis perasmian Institut Latihan Lanjutan Terengganu (Tati). Mereka dijadualkan pulang selepas majlis perjumpaan dengan para pemimpin Terengganu di Awana Kijal. -- BERNAMA

IB PR